

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN NO. 362**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan berkenaan pelaksanaan pemberian sarapan percuma kepada semua pelajar-pelajar sekolah rendah. Adakah telah dibuat kajian tentang kebolehlaksanaannya daripada segi tempat, kaedah penyimpanan makanan, jenis makanan yang sesuai, kualiti makanan, nilai makanan bagi setiap hidangan dan kaedah penyediaan sama ada semua pelajar sekaligus atau berperingkat-peringkat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Sarapan Pagi (PSP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid di sekolah rendah. KPM bertanggungjawab melaksanakan PSP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, institut pendidikan tinggi awam (IPTA) dan NGO. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan pelaksanaan PSP berjalan lancar, memenuhi objektif dan dapat dilaksanakan secara berterusan.

## **NO. SOALAN : 362**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek rintis PSP dijalankan di tujuh (7) buah sekolah bermula September hingga November 2019 melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah orang asli mengikut kawasan bandar dan luar bandar di empat (4) buah negeri dengan enrolmen murid yang pelbagai. Dapatan rintis tersebut akan dijadikan panduan dalam memuktamadkan kaedah pelaksanaan PSP di seluruh negara.

Anggaran kos PSP sekiranya melibatkan semua murid-murid adalah di antara RM807 juta hingga RM1.67 bilion bergantung kepada kaedah pelaksanaan bagi 200 hari persekolahan, mengambil kira kos perbekalan bahan mentah di kawasan pedalaman termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 2,691,231 murid sekolah rendah termasuk anak golongan B40 di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada PSP jika dilaksanakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan kepada Kementerian bahawa ianya perlu dilaksanakan secara bertahap untuk memastikan pengoperasian PSP dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mampan. Untuk tujuan itu, PSP akan dilaksanakan secara berfasa dan Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kementerian akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi selain mengambil kira kesediaan pihak kantin dan pihak pembekal. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kewangan di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini dilakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada MTEN.